

**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN  
AKTIVITI PUSAT SIBER DAN KAFE SIBER  
MAJLIS DAERAH MERSING**

1. Pekerja rakyat asing adalah **tidak dibenarkan** bekerja di pusat siber dan kafe siber.
2. Kegiatan-kegiatan lain **tidak dibenarkan** sama sekali khususnya berbentuk hiburan seperti berikut :-
  - a) Permainan video
  - b) Perjudian
  - c) Gambar-gambar lucah
  - d) Muzik (*pipe music*)
  - e) Penjualan bahan-bahan bercetak khususnya yang mengandungi unsur negatif
3. Semua pusat siber & kafe siber hendaklah menghadkan operasi sehingga jam 10.00 malam atau masa yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.
4. Pengunjung dibawah umur 17 tahun perlu ditemani oleh ibubapa/penjaga yang sah.
5. Dilarang membenarkan pelajar yang memakai pakaian seragam sekolah berada di dalam premis.
6. Pusat siber dan kafe siber hanya dibenarkan beroperasi di **tingkat bawah bangunan**, keadaan premis perlulah terbuka dengan sistem **pencahayaannya yang terang** dan **penggunaan cermin gelap** adalah **dilarang**.
7. Pusat siber dan kafe siber **tidak dibenarkan beroperasi berhampiran** dengan **kawasan-kawasan sensitif** seperti masjid dan lain-lain kawasan yang dirasakan tidak wajar oleh MDM.
8. **Penjualan minuman keras dan rokok adalah dilarang** sama sekali di pusat siber dan kafe siber.
9. Pelanggan juga **dilarang** untuk **membawa masuk** sebarang **minuman keras** dan **rokok** daripada luar.
10. Pengusaha hendaklah **menyediakan buku rekod kemasukan pelanggan** bagi disemak oleh pihak berkuasa pada bila-bila masa.
11. Pengusaha pusat siber dan kafe siber juga hendaklah mengambil perhatian ke atas aspek-aspek **kebersihan** premis dengan menyediakan kemudahan tong sampah dan tandas awam yang mencukupi.
12. Premis hendaklah menepati syarat-syarat penggunaan dan **kelulusan bangunan** yang telah ditetapkan dan sebarang pengubahsuaian ke atas bangunan hendaklah mendapat kelulusan daripada MDM terlebih dahulu.
13. Tindakan pembatalan lesen dan menutup premis perniagaan pusat siber dan kafe siber boleh dijalankan serta merta jika pengusaha pusat siber dan kafe siber didapati melanggar apa-apa undang-undang yang berkuat-kuasa, melakukan apa-apa aktiviti berunsur negatif di premis tersebut, melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan ini atau arahan lain dikeluarkan oleh MDM dari semasa ke semasa.

**PERHATIAN**

Syarat-syarat di atas masih terus berkuatkuasa sekiranya tempoh permit ini diperbaharui atau dilanjutkan sehingga ada arahan bertulis daripada Majlis Daerah Mersing membatalkan syarat-syarat tersebut.